

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan jumlah purata bilangan aduan awam yang difailkan terhadap doktor dan kakitangan hospital dan jenis – jenis tindakan tatatertib yang di ambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Integriti di Kementerian Kesihatan Malaysia telah ditubuhkan pada 10 Februari 2014 selaras dengan pekeliling perkhidmatan bilangan 6 tahun 2013 (Penubuhan Unit Integriti Semua Agensi Awam).

Tujuan Unit ini ditubuhkan adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Penubuhan ini juga akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Semasa penubuhan Unit ini sebanyak 35 perjawatan telah diwujudkan dan pengisian seramai 29 orang dari pelbagai jawatan dan skim perkhidmatan. Antara skim perkhidmatan yang memberikan khidmat di Unit Integriti adalah Pegawai Siasatan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, Pembantu Tadbir dan Pembantu Operasi.

Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras seperti berikut :

- a) Tadbir Urus
- b) Pengukuhan Integriti
- c) Pengesanan dan Pengesahan
- d) Pengurusan Aduan
- e) Pematuhan dan;
- f) Tatatertib

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penjawat awam di KKM terutamanya di hospital yang merupakan pintu utama rakyat mendapatkan khidmat kesihatan.

Unit Integriti bertanggungjawab menguruskan tindakan tatatertib tanpa prejudis berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Jenis-jenis tindakan tatatertib yang dikenakan terhadap pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja.

Kesalahan yang dilakukan oleh para doktor dan kakitangan hospital amat di pandang berat oleh Unit ini. Sehubungan itu, prosedur tatatertib telah dilaksanakan terhadap penjawat awam KKM yang melakukan kesalahan dan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.

Statistik tindakan tatatertib yang telah dikenakan terhadap pegawai dan kakitangan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :

- a) 35 penjawat awam dikenakan hukuman amaran.
- b) 6 penjawat awam dikenakan hukuman denda.
- c) 36 penjawat awam dikenakan hukuman lucut hak emolumen.
- d) 161 penjawat awam dikenakan hukuman tangguh pergerakan gaji.
- e) 38 penjawat awam dikenakan hukuman turun gaji.
- f) 273 penjawat awam dikenakan hukuman buang kerja

Justeru itu, sebagai langkah penambahbaikan untuk mengatasi masalah-masalah tatatertib pegawai dan kakitangan di hospital beberapa program telah dilaksanakan. Antara program yang dijalankan adalah Smart Integriti, Bicara Hati, mewar-warkan peringatan mengenai larangan salah laku melalui *post master* dan emel kepada semua warga KKM. Selain itu, Unit ini juga menjalankan lawatan menjejut ke hospital-hospital kerajaan bagi memantau pematuhan terhadap tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh penjawat awam di hospital.

Secara keseluruhannya penubuhan Unit Integriti di Kementerian Kesihatan Malaysia telah dapat meningkatkan kesedaran warga KKM untuk melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, telus dan cekap.